

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI GEORGETOWN** 6/2019 15:54:37  
 PA-25-95-10/2018  
**DALAM NEGERI PULAU PINANG, MALAYSIA** .....300.00 x 1  
 Jumlah RM\*\*\*\*\*300.00  
**PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO: PA-25-95-10/2018**

Dalam Perkara Berkenaan Dengan Permohonan Pemohon Membatalkan Rujukan Siasatan Bagi Penyediaan Maklumat dan Dokumen oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menerusi surat bertarikh 10 Julai 2018 (No. Rujukan: MyCC (ED) 700/1/2/9(1)/2016);

Dan

Dalam Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan;

Dan

Dalam perkara permohonan untuk mendapatkan satu kebenaran / perintah Certiorari dan Mandamus;

Dan

Dalam perkara mengenai Jadual 1, Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

Dan

Dalam perkara Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

Dan

Dalam perkara Seksyen 18 (1) Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

ANTARA

**LEE TING SAN LORRY TRANSPORT SDN. BHD.**  
**(NO. SYARIKAT:334270-P)**

**...PEMOHON**

DAN

- 1. KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**
- 2. SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

**...RESPONDEN-RESPONDEN**

**DI HADAPAN HAKIM**

**HADHARIAH BINTI SYED ISMAIL**

**PADA 18 JUN 2019**

**MAHKAMAH TERBUKA**

**PERINTAH**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon bagi Semakan Kehakiman bertarikh 04.10.2018 (Lampiran 1) **DAN SETELAH MEMBACA** Pernyataan (Menurut Aturan 53 Kaedah 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012) bertarikh 03.10.2018 (Lampiran 2), Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh Baidrulhisam Bin Abdul Hamid bertarikh 03.10.2018 (Lampiran 3), Notis Pendengaran Permohonan bagi Semakan Kehakiman bertarikh 29.11.2018, Afidavit Jawapan yang diikrarkan oleh Iskandar Ismail bertarikh 08.02.2019 (Lampiran 16), Afidavit Balasan yang diikrarkan oleh Baidrulhisam Bin Abdul Hamid bertarikh 04.03.2019 (Lampiran 19), Hujahan Bertulis Pemohon bertarikh 29.03.2019, Hujahan Bertulis Responden bertarikh 29.03.2019, Hujahan Balas Pemohon bertarikh 22.04.2019, dan Hujahan Balas Responden bertarikh 12.04.2019, **DAN SETELAH MENDENGAR** Mohammad Irwan Shah Bin Md Asri (Siti Rafidah Abdul Raof bersamanya), Peguamcara bagi pihak Pemohon dan Karin Lim (Dominic Pillai dan Nicholas Lim bersamanya), Peguamcara bagi pihak Responden-Responden **KEMUDIAN DITANGGUHKAN KE HARI INI UNTUK KEPUTUSAN** dalam kehadiran Siti Rafidah Abdul Raof, Peguamcara bagi pihak Pemohon dan Dominic Pillai (Nicholas Lim bersamanya), Peguamcara bagi pihak Responden-Responden.

**MAKA ADALAH DIPERINTAHKAN BAHAWA:-**

- i) Permohonan Semakan Kehakiman bertarikh 04.10.2018 (Lampiran 1) di dalam tindakan ini terhadap Responden-Responden adalah ditolak; dan

- ii) Kos sebanyak RM5,000.00 (tertakluk kepada alokatur) dibayar oleh Pemohon kepada Responden-Responden.

Bertarikh pada 18 Jun 2019.



SITI NOR HASLIZA BINTI MD ALI  
Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Georgetown

**Perintah** ini difailkan oleh Tetuan Presgrave & Matthews yang beralamat di Tingkat Satu, No.2 Lebuhraya Pantai, 10300 Pulau Pinang, peguamcara bagi Responden-Responden tersebut di atas.[Ruj: KLAC/NL/20190013]

S/N IkUT7oYZUaMP2XBixUVSg

\*\*Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal